

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
(KUALA PILAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.05.2016

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan terdapatkah persefahaman dan kerjasama atau MOU, antara KBS dan MOF bagi membenarkan persatuan belia yang ingin mendapatkan dana daripada syarikat swasta dengan memberi pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat yang ingin menaja program mereka. Jika ada, bagaimakah cara untuk mereka memohon pelepasan cukai ini dan apakah syarat-syarat untuk mendapatkan pelepasan ini.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 telah memperuntukkan 2 kategori potongan cukai yang boleh dituntut oleh syarikat yang menyumbang kepada aktiviti amal/khairat atau aktiviti sukan iaitu:

- i. Potongan di bawah seksyen seksyen 44(6) ACP 1967
 - Potongan cukai ke atas sumbangan wang tunai oleh syarikat kepada organisasi/institusi yang ditubuhkan semata-mata bagi maksud amal/khairat iaitu amanah untuk meringankan kemiskinan, amanah untuk kemajuan pendidikan, amanah untuk kemajuan keagamaan dan amanah untuk lain-lain tujuan yang memberi manfaat kepada masyarakat amnya dan diluluskan di bawah seksyen 44(6) ACP 1967.
- ii. Potongan cukai di bawah seksyen 44(11B) ACP 1967
 - Potongan cukai ke atas sumbangan di dalam bentuk **wang tunai** dan **in kind** kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh YB Menteri Kewangan.
 - Penganjur perlu mengemukakan permohonan untuk kelulusan aktiviti sukan tersebut oleh YB Menteri Kewangan.

Potongan cukai yang boleh dituntut oleh pihak yang menganjurkan aktiviti amal/khairat atau aktiviti sukan termasuklah oleh pihak

persatuan belia di bawah kedua-dua insentif tersebut adalah terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat bagi syarikat dan 7% daripada pendapatan agregat bagi individu yang memberikan sumbangan berkenaan.

Oleh yang demikian, sekiranya persatuan belia tersebut melaksanakan aktiviti amal/khairat atau sukan, persatuan tersebut bolehlah mengemukakan permohonan untuk dipertimbangkan di bawah peruntukan subseksyen yang berkenaan.

Semua permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6), ACP 1967 hendaklah dikemukakan kepada Pengarah, Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM. Garis panduan berhubung permohonan untuk mendapat kelulusan di bawah subseksyen ini termasuk syarat-syarat yang perlu dipatuhi boleh diperolehi di laman web LHDNM.

Manakala permohonan bagi kelulusan di bawah subseksyen 44(11B), ACP 1967 bagi aktiviti sukan hendaklah dikemukakan dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum aktiviti diadakan kepada Setiausaha Bahagian Cukai, Perbendaharaan Malaysia. Taraf kejohanan yang dipertimbangkan adalah di peringkat Negeri atau Kebangsaan dan hendaklah dianjurkan oleh badan sukan atau dianjurkan oleh pihak termasuklah oleh persatuan belia secara bersama dengan badan sukan yang aktif secara berterusan untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun. Selain itu, pengajuran kejohanan perlu mendapatkan pengesahan oleh Badan Induk sukan berkenaan

dan mendapat kebenaran penganjuran daripada Pesuruhjaya Sukan (PJS).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 26.5.2016

SOALAN : NO. 94

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan:-

- (a) apakah rasional menyenarai hitamkan peminjam PTPTN dalam CCRIS sehingga menghalang peminjam memiliki kereta dan rumah; dan
- (b) apakah justifikasi pihak PTPTN untuk menentukan peminjam disenarai hitamkan dalam CCRIS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan penyenaraian peminjam PTPTN di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat atau *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) adalah untuk mendidik dan memupuk kesedaran peminjam tegar agar lebih bertanggungjawab dan komitmen dalam pengurusan bayaran balik pinjaman PTPTN secara konsisten. Tindakan melalui CCRIS bukanlah untuk menyenarai hitam peminjam, tetapi satu kaedah merekodkan corak bayaran balik bulanan (*credit behavior*) untuk tempoh 12 bulan terdahulu sebagai rujukan kepada institusi kewangan yang menyediakan pinjaman. CCRIS juga dapat mengurangkan kos operasi berbanding kaedah penguatkuasaan yang lain. Pilihan ini dilihat lebih baik berbanding tindakan mahkamah dan membankrapkan peminjam.

PTPTN mula melaksanakan CCRIS pada 16 Jun 2015 dengan mengemukakan senarai nama peminjam tegar. Selanjutnya, bermula 7 Mac 2016 pelaksanaan CCRIS ini diperluaskan kepada semua peminjam PTPTN yang telah tamat pengajian melebihi 6 bulan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: Lisan

DARIPADA

: **Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad
[Mersing]**

TARIKH

: **26 Mei 2016 (Khamis)**

SOALAN

: **Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad
[Mersing] minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sambutan
petani terhadap Projek Ladang Kontrak. Sejauh
manakah projek ini dapat membantu rakyat serta
faedah yang diperoleh daripada projeknya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sambutan petani kepada program Ladang Kontrak adalah menggalakkan di mana sehingga berakhir tahun 2015 seramai 8,304 petani telah menyertai program ini melibatkan keluasan ladang keseluruhan sebanyak 16,112 hektar.

Sasaran Program Ladang Kontrak pada tahun 2016 adalah membangunkan sebanyak 9,000 hektar dengan peserta seramai 5,000 orang (1,000 peserta baru dan 4,000 sedia ada) dengan nilai pengeluaran sebanyak 350,000 metrik tan (RM700 juta).

Faedah Program Ladang Kontrak adalah seperti berikut :

Kepada Petani

- i. Petani mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dikeluarkan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan; dan
- ii. Jaminan bantuan khidmat nasihat teknikal dan pengurusan ladang yang sistematik daripada jabatan dan agensi pengeluar.

Kepada Pengguna

- i. Hasil pertanian daripada ladang kontrak disalurkan terus kepada pengguna melalui outlet-outlet pemasaran; dan
- ii. Pengguna mendapat bekalan yang berterusan dan mampu dibeli pada harga yang berpatutan dengan tawaran harga 5% -20% lebih rendah daripada harga pasaran setempat.

Melalui kajian *outcome* Program Pengukuhan bekalan Ladang Kontrak ke Pasaran, peserta Ladang Kontrak berjaya meningkatkan purata pendapatan sebanyak 31% iaitu daripada RM3,700 sebulan kepada RM4,900 sebulan.

Program ini dapat membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana dalam menjamin pemasaran hasil pertanian di samping mendapat pulangan yang setimpal. Secara tidak secara langsung, ini dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan dan membantu petani dalam meningkatkan pendapatan dan memperbaiki taraf hidup.